

Pada penghujung cerita, ketagihan alkohol meragut nyawa Devdas dan pada akhirnya beliau meninggal dunia dalam keadaan papa, berpenyakit dan dinista oleh masyarakat setempat.

Pengajarannya, mabuk cinta, mabuk alkohol dan mabuk harta mengakhiri riwayat hidup Devdas. Lautan mabuk terbentang luas. Ramai yang pada mulanya terjun ke lautan ini sekadar untuk “berenang”, tetapi pada akhirnya “hanyut” dan tidak bertemu tepian selama-lamanya. Namun demikian, ada yang berjaya dikeluarkan daripada dunia mabuk mereka. Bilangan mereka sangat minimum. Ada pula yang berdegil tidak mahu menerima perubahan. Mereka kekal statik dalam dunia mereka dan pada akhirnya menjadi bangkai bernyawa dalam kalangan masyarakat. Mereka menzalimi diri sendiri bak kata pepatah Melayu, hidup segan mati tak mahu.

Kemudaran alkohol berkadar secara langsung dengan kuantiti alkohol yang diambil oleh seseorang individu. Hal ini dikatakan demikian kerana kuantiti alkohol yang diambil akan menentukan sama ada seseorang itu mempunyai risiko yang rendah, sederhana atau berisiko tinggi kepada kemudaran alkohol. Oleh itu, sewajarnya pengambilan alkohol diukur dengan menggunakan ukuran minuman alkohol bagi memastikan peminum tidak meminum alkohol secara berlebihan sehingga menyebabkan mereka berisiko kepada kemudaran yang lebih tinggi.

Agama melihat alkohol dari sudut pandang yang berbeza. Namun begitu, kebanyakan agama utama di dunia melihat alkohol sebagai kemudaran yang perlu dijauhi.

Sesuatu perkara yang ditegah oleh agama pastinya membawa kerosakan kepada umat manusia. Kenyataan ini tidak dapat disangkal kerana agama membawa keharmonian, kesejahteraan dan kesejahteraan dalam kehidupan

## Nyawa Terancam akibat Alkohol

BARU-BARU ini, filem *Devdas* – kisah romantis merpati dua sejoli yang hanyut kerana mabuk cinta – lakonan Shah Rukh Khan ditayangkan di kaca televisyen. *Devdas* kehilangan Paro, kekasih hatinya, apabila Paro dikahwinkan dengan seorang hartawan berstatus duda oleh keluarga Paro yang mabuk harta.


manusia. Alkohol akan menimbulkan pelbagai masalah fizikal, sosial dan ekonomi kepada sesebuah negara. Oleh itu, kita sebagai rakyat Malaysia yang berpegang pada prinsip Rukun Negara, iaitu Kepercayaan kepada Tuhan, hendaklah menjauhi alkohol dan arak yang bertentangan dengan hukum-hukum agama.

Menurut Kessel dan Walton (1965), terdapat masyarakat yang menganggap bahawa meminum minuman keras menyebabkan peningkatan kadar masalah sosial dan kesihatan. Tabiat meminum minuman keras secara tidak terkawal boleh menyebabkan toksin terhimpun di dalam badan yang boleh membawa kepada kematian. Golongan yang minum minuman keras secara berlebihan dianggap sebagai penyumbang kepada peningkatan masalah sosial dalam kalangan masyarakat. Assunta (2007) menyenaraikan kemiskinan, keganasan

rumah tangga, dan kemalangan jalan raya sebagai kesan terhadap mereka yang mengambil minuman keras secara berlebihan. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), kesan alkohol terhadap kesihatan dan beban penyakit sememangnya telah banyak dikaji dan dibuktikan.

Insiden mabuk di jalan raya sehingga meragut nyawa semakin ketara sejak belakangan ini. Kejadian pergaduhan dan perbalahan oleh pihak yang hilang kewarasan akal fikiran berlaku selepas mereka meminum arak. Mereka mencetuskan konflik dalam masyarakat, menggugat ketenteraman awam, dan memusnahkan kebahagiaan orang lain. Kemalangan jalan raya kerana mabuk pernah meragut nyawa seorang anggota polis yang sedang bertugas dalam sekatan jalan raya OP COVID-19 di Plaza Tol





Kajang Selatan, Lebu Raya Kajang-Seremban (LEKAS), berhampiran Kajang, pada 3 Mei lalu. Penjawat awam ini maut selepas dilanggar pacuan empat roda yang dipandu oleh seorang lelaki mabuk. Seterusnya, pada 23 Mei lalu, kita dikejutkan pula dengan seorang lelaki yang menaiki kenderaan pacuan empat roda yang didakwa merempuh gerai penjaja serta orang awam di tapak penjaja Pekan. Siasatan awal polis mendapati suspek mabuk semasa kejadian. Selain itu, seorang lelaki maut selepas keretanya dirempuh oleh sebuah kereta yang dipandu secara melawan arus, dipercayai akibat pengaruh alkohol di Jalan Pintasan Kuantan, Pahang.

Berdasarkan statistik jumlah kemalangan jalan raya ketika tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Satu yang bermula pada 18 hingga 31 Mac lalu, sebanyak 5498 kes kemalangan direkodkan dengan 58

kematian. Kadar kemalangan sehari ialah 392.7 kes. Kemudian, jumlah itu naik secara mendadak kepada 738 kemalangan sehari ketika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang berkuat kuasa pada 4 Mei lalu. Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), bermula pada 5 hingga 12 Mei lalu, jumlah kemalangan jalan raya mencecah 5904 kes. Kemudian, bermula pada 13 Mei hingga 9 Jun lalu, sebanyak 25 251 kes kemalangan jalan raya direkodkan dengan 231 kematian.

Mengapakah kejadian sebegini terus berlaku? Setiap peraturan dan undang-undang digubal untuk kepentingan masyarakat. Oleh hal yang demikian, perlulah ada kesinambungan dalam penambahbaikan peraturan dan undang-undang itu bagi mencapai objektif yang dihasratkan. Ketegasan dalam pelaksanaan pastinya akan menjadi pengajaran kepada semua pihak.

Langkah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengurangkan ketagihan alkohol dalam kalangan masyarakat menjadi satu model peranan yang dapat dicontohi oleh pelbagai pihak. Baru-baru ini, DBKL mengumumkan pembekuan semua permohonan baharu lesen minuman keras yang berkuat kuasa serta-merta. Tindakan penguatkuasaan yang akan diambil terhadap mana-mana premis yang menjalankan aktiviti penjualan minuman keras tanpa lesen merupakan satu langkah yang terbaik.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula sedia mempertimbangkan cadangan untuk mengkaji semula undang-undang melibatkan penjualan arak ekoran berlaku banyak insiden kemalangan jalan raya yang membabitkan pemandu mabuk sejak belakangan ini. Pindaan Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333) bakal menyaksikan hukuman yang lebih berat dikenakan terhadap individu yang disabitkan kesalahan memandu di bawah pengaruh alkohol, dadah atau memandu secara berbahaya.

Kemudaratan atau bahaya yang berkaitan dengan perbuatan meminum minuman beralkohol tidak hanya kepada peminumnya sahaja, tetapi juga kepada keluarga dan masyarakat yang tidak pernah mengambil minuman beralkohol. Banyak individu yang tidak bersalah menjadi mangsa kerakusan peminum alkohol. Setiap undang-undang haruslah dihormati dan dipatuhi. Pilihan sebenar terletak di tangan setiap individu, sama ada hendak mematuhi atau melanggarnya – ikut rasa, akan binasa, ikut hati, akan mati. □

Profesor Madya Dr. Jessica Ong Hai Liaw ialah Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pascasiswazah, Fakulti Pengajian dan Pengurusan Pertahanan, Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM).

Abdul Hamid Moiden ialah Pelajar Doktor Falsafah (Pendidikan), UPNM.